

LATIHAN PENGUKUHAN BAHASA MELAYU
KARANGAN BERFORMAT

Disediakan oleh:
Cikgu Muhammad 'Aqil Amzar
SK Alor Jangus

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Berita Sumbangan Kepada Mangsa-Mangsa Banjir

BERUAS – 12 Disember – Satu majlis penyampaian **sumbangan** kepada mangsa-mangsa banjir diadakan di pusat pemindahan sementara. Tujuan sumbangan disampaikan adalah untuk **meringankan** beban mangsa-mangsa banjir.

Sumbangan disampaikan oleh **Wakil Rakyat** di kawasan tersebut. Sebelum menyampaikan sumbangan, Wakil Rakyat **berucap**. Beliau berharap mangsa-mangsa banjir dapat **bersabar** dengan musibah yang melanda.

Kami berasa bersyukur dan **berterima kasih** atas sumbangan yang diberikan. Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat **meringankan** beban kami. Kami **mengalami** banyak kerugian selepas banjir,” kata Ismail bin Deraman, salah **seorang** mangsa banjir kepada wartawan.

Majlis penyampaian sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir **berakhir** pada pukul 12.30 tengah hari. Selepas itu, para hadirin **menikmati** jamuan makan tengah hari.